

SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

Think City Melancarkan Program Pemulihan dan Peningkatan Ekonomi Kreatif sebagai Langkah Pertama Pembangunan Daerah Kreatif dan Budaya Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR, SEPTEMBER 21, 2021 - Think City, sebuah organisasi impak bandar, telah melancarkan Program Geran Downtown Kuala Lumpur bagi membolehkan komuniti mengambil bahagian dalam proses pemulihan dan transformasi pusat bersejarah Kuala Lumpur menjadi sebuah daerah kreatif dan budaya.

Permohonan program ini dibuka bermula dari hari ini sehingga 31 Oktober 2021. Ia berteraskan semangat pemulihan dari pandemik COVID-19 dan merupakan sebahagian daripada rancangan strategi jangka panjang untuk mengaktifkan ekonomi kreatif di daerah warisan tersebut. Program ini menjemput individu dan organisasi untuk menampilkan projek-projek yang memperkasakan dan meningkatkan kualiti hidup pelbagai komuniti, mengembangkan pengalaman baru di pusat bandar lama melalui kandungan inovatif, dan mentransformasi serta menghidupkan semula ruang-ruang dengan penyelesaian kreatif.

Terbuka kepada individu dan organisasi, program ini selaras dengan visi besar Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif & Kebudayaan Kuala Lumpur —sebuah rancangan yang diusahakan bersama oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Think City, dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, serta Jabatan Warisan Negara.

Sebagai usaha pertama daripada dua buah program geran pemulihan ekonomi berasaskan budaya oleh Think City yang disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui peruntukan Belanjawan 2020, program ini tertumpu pada Pusat Bandar Lama Kuala Lumpur (atau dikenali sebagai *Downtown KL*), manakala program geran seterusnya yang akan dilancarkan tidak lama lagi, akan merangkumi seluruh Malaysia.

Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City mengulas bahawa program ini dilancarkan dengan semangat membina semula dengan lebih baik, sejajar dengan usaha untuk mengekang impak negatif ekonomi dan sosial COVID-19.

"Selaras dengan Program Pemulihan Nasional yang sedang berkuat kuasa, kami percaya bahawa ini adalah waktu yang tepat untuk warga Kuala Lumpur serta warga Malaysia secara keseluruhannya untuk memulakan penyemaian projek-projek yang dapat bersama-sama membantu pemulihan jangka panjang dan daya tahan bandar-bandar di Malaysia.

"Program ini bertujuan untuk memperkasakan individu-individu atau organisasi di *Downtown KL* bagi membantu projek mereka dan memberi mereka peluang memainkan peranan aktif dalam membina kembali dengan lebih baik. Justeru, program ini memberikan mereka peluang untuk merealisasikan peningkatan projek sedia ada atau baru. Kami juga berharap bakal calon-calon akan mempertimbangkan bagaimana mereka dapat mengangkat komuniti sekitar supaya mereka juga dapat bangkit dari pandemik ini dan memberi inspirasi kepada komuniti tersebut untuk mencapai daya tahan dan menangani cabaran masa depan," katanya.

"Kami mengalu-alukan projek-projek yang akan memperkukuhkan, mengubah dan menambah nilai kepada kawasan *Downtown KL* dan komunitinya. Memandangkan ketidakpastian yang kita hadapi akibat pandemik ini, kami akan menerima cadangan projek yang dapat dilaksanakan secara fizikal, digital atau kedua-duanya untuk memastikan peluang yang lebih luas bagi pemohon."

Hamdan menjelaskan bahawa program ini merupakan langkah pertama yang diberi mandat oleh pihak kerajaan untuk mewujudkan daerah kreatif dan budaya di pusat bandar lama Kuala Lumpur.

"Sejak beberapa dekad yang lalu, fungsi teras *Downtown KL* semakin berkurangan akibat kesan migrasi perkhidmatan pusat pentadbiran, perniagaan dan penduduk ke pinggir bandar dan daerah-daerah lain di dalam Kuala Lumpur dan sekitar Lembah Klang. Hal ini telah menimbulkan ketidakseimbangan dalam kepelbagaian penduduk dan perniagaan, jurang inklusif, bangunan dan ruang-ruang awam yang kurang digunakan, kemerosotan perniagaan tradisional dan persepsi negatif terhadap keselamatan. Ini adalah antara isu-isu yang dihadapi.

"Kami telah bekerjasama dengan DBKL untuk menghidupkan semula daerah ini dengan *baseline studies*, penglibatan komuniti, projek peningkatan ruang awam, dan pelbagai aktiviti *placemaking*. Selain itu, DBKL juga telah melancarkan banyak program untuk daerah ini, termasuk program *River of Life*, program penghijauan, perumahan mampu milik dan sewa, dan usaha-usaha yang lain. Komuniti perniagaan tempatan juga telah mempelopori kebangkitan semula di kawasan ini dengan pelbagai idea berdasarkan budaya dan inovatif.

"Dengan ini, penghidupan semula *Downtown KL* bersama komuniti, sambil mengambil kesempatan aset-aset yang sedia ada seperti kawasan bersejarah, bangunan warisan, zon hijau dan sistem pengangkutan bertaraf dunia dapat mengaktifkan semula peluang yang hilang di kawasan ini dan merealisasikan visi kami untuk Daerah Kreatif dan Budaya Kuala Lumpur yang berpotensi memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara," katanya.

YBhg. Datuk Seri Haji Mahadi Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur, memaklumkan bahawa program ini selaras dengan rancangan pemulihan yang sedang dilaksanakan oleh DBKL dan rancangan jangka panjang untuk mentransformasikan pusat bandar lama bersejarah itu menjadi daerah yang berdasarkan ekonomi kreatif.

"Pemulihan dan kemampanan Kuala Lumpur telah menjadi perhatian utama kami terutamanya sejak pandemik COVID-19 melanda negara kita. Sementara kami mengendalikan inisiatif yang telah dirancang untuk menambah baik bandar, serta program-program COVID untuk memberikan bantuan segera kepada komuniti, kami amat gembira melihat sokongan yang berpandangan jauh ini dalam bentuk pemberian dana kepada rakyat, seperti Program Geran *Downtown KL*, selaras dengan geran dan subsidi kerajaan untuk pemulihan negara.

"Program Geran *Downtown Kuala Lumpur* akan menyokong visi kami untuk mengaktifkan ekonomi kreatif di *Downtown KL* dari segi pembentukan sebuah daerah yang berkembang maju dan dinamik. Saya menyarankan komuniti *Downtown KL* yang terjejas dalam kerjaya atau perniagaan mereka akibat pandemik COVID-19, untuk mengambil peluang ini dalam memulihkan dan membangunkan semula daerah ini dengan lebih baik demi masa depan yang lebih mampan," katanya.

Datuk Bandar juga berkata bahawa jalan menuju ke arah pemulihan negara dapat ditingkatkan dengan usaha kolektif yang melibatkan rakyat, sektor awam, dan swasta.

“Program Geran Downtown KL hanyalah satu langkah dalam usaha pemulihan negara. Oleh kerana program ini dijalankan berdasarkan prinsip pelaburan bersama, saya ingin menjemput pihak berkepentingan dan bakal pendana atau pelabur dari pelbagai sektor untuk memberi sokongan tambahan kepada geran ini, dari segi membantu anggota komuniti *Downtown KL* merealisasikan projek-projek mereka, atau bekerjasama dengan Think City untuk memperkasakan daya kewangan program ini. Dengan semangat solidariti inilah saya harap kita dapat mencapai pemulihan yang lebih pantas,” kata Datuk Seri Mahadi.

Program Geran Downtown KL dibuka untuk permohonan dari 20 September sehingga 31 Oktober 2021. Para pemohon boleh mengemukakan cadangan untuk projek dibawah kategori-kategori berikut:

Pembaharuan Perniagaan - Membantu perniagaan atau organisasi sedia ada bertambah maju melalui inisiatif yang mampu memacukan pemulihan dan memberikan kesinambungan jangka panjang untuk mewujudkan *Downtown KL* yang lebih ceria;

Daya Ketahanan Komuniti - Memperkasakan dan mengaktifkan komuniti *Downtown KL* dengan kelengkapan atau peningkatan keupayaan yang diperlukan untuk perkembangan komuniti serta penyertaan secara inklusif;

Pembaharuan Semula Ruang - Menghidupkan kembali bangunan-bangunan lama di sekitar *Downtown KL* dengan pemuliharaan, pembaharuan dan memberi fungsi baru kepada bangunan-bangunan tersebut untuk memelihara warisan bandar, dan meningkatkan daya hidup serta daya tarikan pengunjung.

Jenis-jenis projek yang dicadangkan boleh merangkumi bahan terbitan, kandungan digital, projek pengaktifan ruang, program komuniti, peningkatan keupayaan, latihan vokasional atau program pendidikan yang inovatif, dan program keusahawanan.

Dibawah tema Pembaharuan Semula Ruang, projek-projek yang dicadangkan boleh meliputi penggunaan semula bangunan yang sedia ada untuk memberi tujuan baru, pengelolaan dan pengaktifan ruang yang kurang digunakan, dan intervensi bangunan hijau.

Para individu atau organisasi boleh memohon jumlah geran tanpa had, dengan syarat bahawa cadangan yang dikemukakan mampu memberi kesan yang berpanjangan kepada *Downtown KL*. Program ini tidak menanggung dana penuh untuk projek yang terpilih dan pemohon digalakkan melabur atau mencari pelabur tambahan bersama dalam merealisasikan projek mereka.

Pemohon dijemput mengemukakan cadangan-cadangan projek dalam tempoh enam minggu. Seterusnya penilaian cadangan akan dikendalikan selama lapan minggu oleh panel penasihat teknikal yang terdiri daripada pakar utama dalam bidang pemulihan bandar, ketahanan sosial, seni dan budaya, penghijauan bandar, dan pemuliharaan warisan, antara yang lain, dengan kelulusan akhir oleh Lembaga Think City.

-TAMAT-

Mengenai Think City

Think City adalah organisasi impak yang didedikasikan untuk menjadikan bandar lebih mesra didiami, berdaya tahan dan mampan. Kami adalah perunding, rakan penyampaian projek, institut dan pembangun usaha, yang menyediakan pemikiran, pengurusan dan pelaksanaan penyelesaian bandar di Malaysia dan tempat lain. Mengambil pendekatan berasaskan kepentingan komuniti, dan berasaskan bukti, Think City fokus kepada empat bidang utama: *Placemaking* (Pewujudan Tempat), *Resilience* (Ketahanan), *Analytics* (Analisis) dan *Conservation* (Pemuliharaan). Ditubuhkan pada tahun 2009 untuk menerajui penjanaaan semula bandar di George Town, kami kini telah memperluaskan usaha kami di seluruh negara, melaksanakan projek yang meningkatkan persekitaran, ekonomi, budaya, seni dan warisan, dan ketahanan bandar. Maklumat lanjut boleh diperolehi di www.thinkcity.com.my.

Pertanyaan Media

Nisshanthan Dhanapalan, Eksekutif Kanan, Brand & Communications; nisshanthan.dhana@thinkcity.com.my
Maya Tan, Ketua, Brand & Communications; maya.tan@thinkcity.com.my